

02 AUG 1996

Mahathir - Fellow

PERDANA MENTERI DIANUGERAH FELLOW KEHORMAT AKADEMI SAINS MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini dianugerahkan Fellow Kehormay oleh Akademi Sains Malaysia (ASM) sempena perayaan ulang tahun pertama penubuhannya.

Dr Mahathir dipilih sebagai penerima anugerah itu atas sumbangan dan iltizamnya yang bermakna kepada pembangunan sains dan teknologi di negara ini.

Presiden ASM Tan Sri Dr Haji Omar Abdul Rahman menyampaikan anugerah itu kepada Perdana Menteri pada Majlis Jamuan Akademi sains malaysia di sini.

Enam orang fellow baru bagi akademi itu juga diumumkan pada majlis itu.

Mereka ialah Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Abu Bakar Suleiman; Ketua Jabatan Mikrobiologi Perubatan Universiti Malaya (UM), Prof Dr Lam Sai Kit dan Pengerusi Eksekutif Pilecon Engineering Bhd, Dr Heng Lee Pee.

Yang lain ialah Pensyarah Fakulti Perikanan dan Sains Samudera, Universiti Pertanian Malaysia (UPM) Prof Dr Ang Kok Jee; Prof Dr Shaharir Mohamed Zain dari Jabatan Matematik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Prof Dr Tan Wang Seng dari Pusat Teknologi Maklumat, Universiti Sains Malaysia (USM).

Pada majlis itu juga, buku mengenai sumbangan Dr Mahathir kepada pembangunan industri berteknologi tinggi di Malaysia dilancarkan.

Buku "Mahathir: Leadership in Science and Technology," ialah penerbitan perrtama ASM dan juga yang pertama mengenai kepimpinan Dr Mahathir dalam konteks sumbangan besarnya sebagai Bapa Malaysia moden dan kesungguhannya menjadikan Malaysia sebagai negara industri.

Buku itu ialah hasil karya bersama Sumanggala Pillai iaitu ketua penerbitan akademi berkenaan dan Pengarah Pusat Penyelidikan Dasar, Fakulti Ekonomi UPM Prof Abdul Aziz Abdul Rahman.

Sejak ditubuhan pada 8 Sept tahun lepas, akademi itu mempunyai 56 fellow pengasas (termasuk enam fellow baru) termasuk bekas Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Tan Sri Dr Mustaffa Babjee dan Ketua Pengarah Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS), Dr Tengku Azzman Sharifadeen Ibrahim.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding. --
BERNAMA

HS FAZ